




Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturut-turut dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



AHLI JAWATANKUASA & BIRO PESUTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus (012-722 7429)

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad (016-733 2345)

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani (019-712 4394)

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek (019-656 5205)

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun (019-778 2613)

PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun (017-682 4772)

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan (019-734 8735) | Ketua

Haji Bakri Mohd Dahlan (017-790 4489)

Cik Siti Zaiton Borham

BIRO EKONOMI

Puan Kasuma Masjuriah B. Basar (019-713 1743) | Ketua

Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris (019-728 8000)

En. Muhamad Saad Sulaiman

Puan Faridah Hussein

En. Abdul Hadi Othman

En. Othman Adon

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani (019-731 0674) | Ketua

Haji Zainal Abidin Hassan (019-756 5751)

Puan Abrizah Abd. Rahim (017-700 1600)

Puan Ramlah Husin (019-780 0244)

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismael Samat (012-707 8574) | Ketua

Haji Zainul Rashid Abu Bakar (013-773 6563)

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran

Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

SKUDAI | 7 Oktober 2023

PROGRAM SANTAI SELATAN BENUA ASIA

Seramai 16 pesara mengikuti "Program Santai Selatan Benua Asia" Taman Negara Johor Tanjung Piai, Pontian. Program anjuran Biro Kebajikan dan Sosial PESUTM ini peringkat awalnya mendapat sambutan yang amat menggalakkan bagaimanapun atas sebab-sebab tertentu sebahagian peserta menarik diri di saat akhir. Namun demikian, program ini tetap diteruskan kerana banyak lagi program serupa yang direncanakan pada bulan November. Program ini diketuai Saudara Roslan Abdul Ghani dengan dibantu Hj Bakri Hj Dahalan.

Taman Negara Johor Tanjung Piai, Pontian adalah Taman Negara Pertama di Malaysia yang diberi status Taman Negara di laut. Taman ini menawarkan landskap paya bakar yang mewarnai hutan Bakar dan Pantai yang Indah. Ia adalah rumah kepada pelbagai spesies burung termasuk burung Langka seperti Raja Wali dan bangau Tong-Tong.

Rata-rata kami rasa terpukau dan terpesona menikmati pemandangan Selat Melaka yang menakjubkan. Tanjung Piai adalah puncak Selatan Asia yang menakjubkan, terdapat jalan setapak yang membawa kami semua pesara ke titik puncak ini. Di sini kami dapat melihat tonggak yang mengadakan lokasi mercu tanda penghujung Selatan Benua Asia iaitu Peta Dunia yang dibina atas sebuah pelantar menghadap Selat Melaka.

Pengalaman berjalan ke hujung Benua ini adalah satu perjalanan yang unik dan berharga buat pesara seperti kami. Memang benar sebahagian daripada kami sudah puas mengembara dan menjelak kaki dibanyak negara, namun pengalaman di sini tak kami lupukan.

Sebelum masuk tadi saudara Roslan Abd Ghani mengingatkan kepada kami jangan lupa membawa bersama air minuman secukupnya dan pastikan memakai kasut yang bersesuaian iaitu tapak rata sebab tempat ini sangat luas.

Dalam usia kami yang rata melebihi 60 tahun aktiviti ini walaupun sifatnya bersantai namun kami dapat rasa amat menyihatkan. Berpeluh satu badan bila jalan kaki seperti ini. Bukan sahaja dapat menghirup udara segar dan keindahan hutan paya bakau yang penuh dengan kehijauan.

Tahniah! Pesara UTM telah berjaya berada di pengunjung Selatan Tanah Besar Asia. Keunikan ini membuat Tanjung Piai menjadi destinasi yang dicari oleh pengembara. Jadi, jika anda merindui keindahan semula jadi yang sejati, Tanjung Piai adalah destinasi yang

wajib dilawati oleh anda sekalipun mereka dah merantau atau mengembara ke seluruh pelosok dunia.

Ini adalah tempat yang begitu mempesonakan untuk mengeksplorasi keindahan alam Malaysia dan merasai keunikan menjadi alam Malaysia dan merasai keunikan menjadi penghujung puncak Selatan Asia dan Eurasia, Tanjung Piai adalah pengalaman yang menjanjikan sesuatu yang tidak akan anda lupakan.

Jadi, buat perancangan anda sekarang dan sertakan Tanjung Piai dalam senarai destinasi anda !



